

# Saudara, jiran bantu masuk universiti

BERITA HARIAN CIRIAYAH  
30 OGOS 2016 M/S 29

→ Guna Skim Bantuan Insentif Pendidikan RM1,000 bayar yuran ke UMP


Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

**S**aya datang mendaftar untuk belajar di universiti ini menggunakan duit yang diberi jiran dan saudara maha.

"Jika tiada yang prihatin dengan nasib kami memang saya tidak dapat membantu mengubah nasib keluarga saya," kata pelajar baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Murtadha Ibrahim, dari Gopeng, Perak.

Beliau yang akan melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri, berkata bantuan kewangan itu juga membolehkannya bersama bapa, Ibrahim Ahmad, 54, dan ibu, Rohani



**Muhammad Murtadha dicium ibunya, Rohani selepas proses pendaftaran sebagai pelajar baharu di UMP, Kuantan.**

Muhamad Ali, 45, menaiki kereta dari kampungnya ke UMP dengan mengambil masa perjalanan selama lapan jam.

## Terhutang budi

Anak ketiga daripada enam beradik berusia 20 tahun itu berkata, keluarganya hanya bergantung pendapatan daripada wang pencen bapanya RM1,059 sebulan bagi menampung kehidupan harian.

"Kami sekeluarga memang terhutang budi dengan jiran dan saudara maha di kampung yang sanggup membantu dan mahu memastikan saya dapat meneruskan cita-cita menyambung pelajaran hingga ke peringkat tertinggi.

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh membalaq jasa dan pengorbanan mereka termasuk ibu bapa dengan ber-

jaya dalam bidang akademik dan mendapat ijazah selepas tamat pengajian," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Ibrahim berkata, pada mulanya, beliau berhasrat untuk meminta penangguhan bayaran pendahuluan pendaftaran RM520.

"Namun disebabkan keprahitinan UMP, anak saya menerima sumbangan Skim Bantuan Insentif Pendidikan RM1,000 dan Alhamdulillah saya boleh membayar pendahuluan itu," katanya.

Beliau juga berharap anaknya itu dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti sehingga berjaya menamatkannya dengan cemerlang.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak termasuk saudara maha, jiran dan pihak UMP yang banyak membantu anak kami memasuki universiti," katanya.